

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS ]**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan inovasi dalam penggunaan getah dan langkah-langkah  
lain yang dilaksanakan bagi meningkatkan permintaan terhadap getah  
dan juga mekanisme kawalan harga getah bagi mengurangkan  
bebanan pekebun-pekebun kecil di negara ini.**

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Getah Malaysia (LGM) bergiat aktif menjalankan program-program penyelidikan dan pembangunan ke arah meningkatkan penggunaan getah dalam negara dan penghasilan produk-produk baru untuk tujuan pasaran eksport. Dalam hal ini, terdapat beberapa projek khusus dan inovatif yang dijalankan oleh LGM. Selain itu, langkah ini juga dapat mengurangkan stok getah di dalam negara dan menstabilkan harga.

Projek-projek yang dijalankan oleh LGM termasuk:

- i. Projek pembinaan jalanraya menggunakan bitumen yang diubahsuai dengan getah *cuplumps*
  - Pelaksanaan projek ini sedang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) bagi mengkaji pembinaan jalanraya menggunakan bitumen yang diubahsuai dengan getah *cuplumps* pada skala komersil menggunakan beberapa lokasi diseluruh negara bagi mengkaji prestasi jalan tersebut berbanding pembinaan jalan konvensional; dan
  - Adalah dijangkakan pembinaan jalanraya menggunakan bitumen yang diubahsuai dengan getah *cuplumps* akan memerlukan sejumlah 4.2 tan getah *cuplumps* bagi setiap kilometer jalan yang dibina.
- ii. Projek penggunaan getah termaju Ekoprena untuk menghasilkan tayar mesra alam (hijau) dan telepak tayar mesra alam
  - Projek ini dilaksanakan bagi meningkatkan penggunaan getah Ekoprena yang dibangunkan oleh LGM yang sedang dikomersilkan kepada pengeluar tayar seluruh dunia. LGM sedang melaksanakan kajian bersama dengan pihak industri pembuatan tayar di dalam dan luar negara untuk penggunaan tayar berasaskan Ekoprena bagi meningkatkan permintaan terhadap getah tersebut;

- Getah Ekoprena mempunyai beberapa kelebihan yang termasuk penjimatan penggunaan minyak dari rintangan guling yang rendah dan peningkatan aspek keselamatan dari cengkaman basah yang baik; dan
- Kajian penggunaan komersil tayar mesra alam sedang dilaksanakan dengan beberapa syarikat pengangkutan termasuk Prasarana Berhad (Rapid KL), Nadi Corp Berhad (Transnasional) dan Felda Transport Sdn Bhd.

Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan pendapatan dan kebajikan pekebun kecil getah tidak terjejas dengan ketidakstabilan harga getah. Inisiatif-inisiatif yang telahpun dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Insentif Pengeluaran Getah (IPG)

- IPG telah dilaksanakan mulai bulan Januari 2015 dan telah ditambahbaik pada tahun 2016 dengan menaikkan Paras Harga Pengaktifan (PHP) dari harga SMR20 RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram/hektar/tahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding dengan RM1,000 dengan kadar lama; dan
- Bagi pelaksanaan IPG, Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM200 juta. Sehingga 30 April 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta.

ii. Mekanisma penetapan harga di ladang

- Menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk melibatkan dalam urusan getah. Melalui pendekatan ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang; dan
- Sehingga kini, modal pusingan sebanyak RM1,470,00 telahpun diagihkan kepada sebanyak 18 koperasi. Berdasarkan maklum balas, pada puratanya koperasi menawarkan RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah.

iii. Menyediakan infrastruktur kutipan lateks

Peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Peruntukan ini akan digunakan untuk tujuan memperkukuhkan infrastruktur kutipan lateks di mana ianya akan dilaksanakan di beberapa tempat seperti Palong, Negeri Sembilan, Lipis, Pahang dan Grik, Perak. Langkah ini di samping mengurangkan pengimportan lateks juga akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*.

iv. Bantuan Tanam Semula dan Tanam Baru

Meneruskan bantuan kepada pekebun kecil untuk aktiviti tanam semula dan tanam baru, iaitu sebanyak RM9,230 sehektar bagi Semenanjung manakala Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah RM14,000 dan RM13,500 sehektar.

Sekian, terima kasih.